

Lagi 'Sasterawan Negara' tercicir

» Suhaimi senasib Azizi, meninggal dunia sebelum dapat pengiktirafan

Suhaimi Muhammad

Azizi Abdullah

Oleh Hafizah Iszahanid
hafiza@bh.com.my

Pemergian cerpenis dan novelis Azizi Abdullah pada 2011 tanpa sempat dinobatkan sebagai Sasterawan Negara (SN) dan kini berulang kembali pada penyair sufi, Suhaimi Muhammad yang meninggal dunia, Januari lalu, sekali gus meninggalkan persoalan mengenai mekanisme pemilihan Anugerah Sastera Negara (ASN) itu.

Jika tiga tahun lalu, khalayak sastera mempersoalkan bagaimanakah pengarang hebat Azizi tidak mampu menembusi kekebalan tembok pemilihan anugerah sastera tertinggi di negara ini, kini nadanya hampir sama, cuma nama pengarang saja berbeza.

35 naskah kumpulan puisi
Bagaimanakah penyair yang memiliki 35 naskah kumpulan puisi itu juga mengalami nasib yang sama walaupun beliau berada dalam senarai pendek SN selama dua tahun berturut-turut, iaitu 2011 dan 2012.

Persoalan itu menjadi bualan dan perbincangan pada Majlis Manaqib Suhaimi Muhammad anjuran Persatuan Karyawan Perak (Karyawan PK), Majlis Kebudayaan Negeri Perak (MKNPK) dan Kampung Karyawan Malim di Ipoh, Perak, baru-baru ini.

Forum itu disertai Pensyarah Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Shamsudin Othman; Pensyarah Akademi Seni dan Budaya Kebangsaan (ASWARA), Abdul Rahim Abdullah dan Penyelidik Kanan di Institut Darul Ridzuan dan Penerima Anugerah Penulisan Asia Tenggara (SEA Write) 2013, Mohamed Ghozali Abdul Rashid atau Malim Ghozali PK.

Di sebalik isu sastera Malaysia 'terlepas peluang mengangkat pengarang yang layak, tiga ahli panel itu sepakat menyifatkan karya Suhaimi bakal berada lebih lama dalam ruang kesusasteraan kerana kekuatan karya itu sendiri meski-

pun tanpa pengiktirafan sebagai SN.

Dr Shamsudin ketika membentangkan kertas kerja, *Suhaimi Hj Muhammad: Penyair Surrealis Yang Menyendiri*, menobatkan Suhaimi sebagai Raja Perajakan Moden Malaysia meskipun tertinggal dalam pengiktirafan SN.

Nama tergelincir dari senarai
"Namanya 'tergelincir' daripada barisan penerima SN walaupun dicalonkan dua kali berturut-turut bagi 2011 dan 2012, tetapi percayalah karyanya akan sentiasa dikenang dan dikaji berpuh-puluh tahun lagi kerana sejarah bakal menunjukkan kedudukan karyanya berbanding penyair lain termasuk yang bergelar SN," katanya pada forum yang dipengerusikan Pensyarah Bahasa dan Komunikasi Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Dr Bazrul Bahaman.

Tambah Shamsudin, kehadiran puisi Suhaimi dalam dunia kesusasteraan tanah air akan sentiasa disedari oleh golongan sarjana, sekali gus memungkinkannya kekal di ruang akademik dalam tempoh yang lama.

"Puisi Suhaimi bukan calang-calang produk sehingga tanpa pengiktirafan duniawi pun, karyanya sudah menzahirkan kesufian pada dirinya.

Diangkat selepas kematian

"Suhaimi dan puisi sufi itu serasi bergandingan yang bukan dibuat-buat. Jika diimbangi karya penyair Parsi, Jalaludin Rumi dan penyair Pakistan, Muhammad Iqbal pun, kita dapati ia diangkat setinggi-tingginya sesudah kematian mereka," katanya.

Tegas Shamsudin, meskipun ada yang menyifatkan puisi Suhaimi sebagai kabur, sarjana tetap mengiktirafkan karyanya sebagai serius dan penuh kejujuran.

Pandangan itu senada de-

ngan Abdul Rahim ketika membentangkan *Defamiliarisasi Dalam Puisi Suhaimi Haji Muhammad* yang menganggap puisi Suhaimi menjelaskan gaya yang luar biasa, sekali gus dilabel sebagai menjerus kepada penyimpangan.

"Hal ini berlaku kerana Suhaimi berpuisi tidak mengikut laras puisi Melayu yang sezaman dengannya, sebaliknya lebih banyak guna simbol atau ikon yang bagi sesetengah pengkaji menganggapnya sukar difahami.

"Suhaimi menulis puisi yang menyimpang daripada kebiasaan penulis sebelumnya sehingga karyanya terkehadapan dan tidak mahu mengikut gaya puisi yang sudah ada hingga ada yang menyifatkan karyanya 'syok sendiri' dan tiada pemikiran," katanya.

Sementara itu Malim Ghozali pula menganggap kesulitan pengkaji untuk mendalami karya Suhaimi yang menimbulkan tanggapan penulis sajak kabur sebagai kegagalan individu itu sendiri kerana tidak berjaya membedah karyanya.


"Taman Takwa misalnya ialah karya yang kuat yang memang sukar difahami kerana Suhaimi menggunakan simbol dan ikon serta bersifat peribadi.

"Rutin Suhaimi menulis juga sangat beragama kerana tolak waktu makan, minum dan solat, selebihnya digunakan untuk berkarya kerana baginya menulis ibarat mendekati diri dengan Tuhan sehingga karya yang terhasil menyerlahkan falsafah itu," tegasnya.



"Namanya 'tergelincir' daripada barisan penerima SN walaupun dicalonkan dua kali berturut-turut bagi 2011 dan 2012, tetapi percayalah karyanya akan sentiasa dikenang dan dikaji berpuh-puluh tahun lagi"

Dr Shamsudin Othman,
Pensyarah UPM



Antara karya Suhaimi.



Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu yang disiarkan dalam **BH Sastera**, boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel bhsastera@bh.com.my.